

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh mana inisiatif **Perbadanan Nasional Bhd (PNS)** membantu perniagaan industri francais berhasil, jumlah bantuan pembiayaan disalurkan ke arah mengembangkan ekonomi mikro ke peringkat lebih luas menerusi industri francais.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) telah melaksanakan 3 program untuk membangunkan usahawan melalui industri francais iaitu:
  - a. Program pembangunan francais;
  - b. Program bantuan pembiayaan; dan
  - c. Program latihan dan bimbingan.
  
2. Program *Business In Transformation* (BIT) merupakan salah satu program pembangunan francais di PNS di mana program ini bertujuan untuk mentransformasikan perniagaan mikro kepada konsep yang lebih moden dan bersistematik dan mengadaptasi penggunaan teknologi supaya ianya dapat berdaya saing di pasaran. Program BIT ini juga mensasarkan untuk melahirkan lebih ramai syarikat PKS Bumiputera khususnya di dalam

industri francais. Di bawah program ini, usahawan juga akan dibimbing dan diberi latihan bagi memperkukuhkan perniagaan dan lebih berdaya saing di dalam pasaran.

3. Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, sebanyak 121 syarikat Pra-Francaisor dan 1,348 syarikat Pra-Francaisi telah menyertai program BIT ini.

4. Selain itu, dalam membangunkan usahawan francais terutamanya Bumiputera, Program Pemantapan Francaisor menawarkan bimbingan kepada produk yang berpotensi untuk dibangunkan dengan lebih sistematik dan seterusnya dikembangkan ke arah perniagaan francais. Melalui program ini, perunding francais akan membantu usahawan dalam persediaan menjadi francaisor meliputi dokumentasi berkaitan pakej francais, manual operasi, manual latihan, perjanjian francais serta proses pendaftaran francais.

5. Sehingga kini, sebanyak enam belas (16) syarikat telah menyertai Program Pemantapan Francaisor ini dan lapan (8) daripadanya telah mendapat lesen francais. Antaranya seperti MD Putu Bambu World, Otak-Otak JB, D'Apple, H.O.M.E, Lpizz Pizza, Asam Pedas Premier, Qbistro dan Catzonia.

6. PNS juga turut menawarkan inisiatif bantuan pembiayaan melalui skim pembiayaan seperti berikut :

- i. Skim Pra-francais dan Skim Francais Induk.
- ii. Skim Pembiayaan Francaisor.
- iii. Skim Pembiayaan Francaisi.
- iv. Skim Pembiayaan Pra-Francaisor dan Pra-Francaisi di bawah program *Business In Transformation* (BIT).
- v. Skim *FoodTruck*.
- vi. Skim Pembiayaan Keusahawanan Francais Wanita (SWEET)

vii. Skim Pembiayaan Keusahawanan Francais Belia (YOUNITY)

7. Bagi tahun 2020, PNS menyediakan peruntukan berjumlah RM40 Juta bagi keseluruhan skim pembiayaan sedia ada, termasuk pembiayaan mikro melalui Skim Pembiayaan Pra-Francaisi (pakej pembiayaan di bawah RM25,000 bagi setiap outlet) di bawah program *Business In Transformation* (BIT).

8. Sehingga September 2020, PNS telah berjaya meluluskan sebanyak 2,060 akaun pembiayaan di seluruh Malaysia dengan nilai pembiayaan sebanyak RM413.62 Juta.

9. Program latihan dan bimbingan dilaksanakan menerusi *Franchise Institute*, iaitu seksyen di bawah Bahagian Pembangunan Francais PNS yang menyediakan program latihan berfokuskan francais dan keusahawanan. Sehingga September 2020, seramai 98,648 orang peserta telah berjaya menerima manfaat daripada program yang telah dianjurkan oleh PNS ini.

Sekian, terima kasih.